

Takbir Mursal/Mutlaq dan Takbir Muqayyad Pada Sekitar Hari Raya

Susunan Perbahasan

Persoalan:	2
Jawapan:.....	2
Definisi/Takrif/Tasawwur Asas	2
Takbir Mursal.....	3
Takbir Muqayyad	3
Hari Raya Aidil Fitri	4
Takbir Mursal (Aidil Fitri).....	5
Takbir Muqayyad (Aidil Fitri)	6
Hari Raya Aidil Adha.....	7
Takbir Mursal (Aidill Adha)	8
Orang Yang Mengerjakan Haji.....	8
Takbir Muqayyad (Aidil Adha).....	9
Orang Yang Mengerjakan Haji.....	9
Orang Yang Tidak Mengerjakan Haji.....	9
Solat Yang Dituntut Bagi Takbir Muqayyad.....	11
Lafaz Takbir.....	12
Beberapa Tambahan.....	13
Faedah Tambahan:.....	15

Persoalan:

Boleh ustaz terangkan tentang Takbir Mursal dan Muqayyad yang dianjurkan pada sekitar Hari Raya?

Jawapan:

اللَّهُمَّ هِدَايَةَ لِلصَّوَابِ

Definisi/Takrif/Tasawwur Asas

Takbir secara literal merujuk kepada lafaz:

الله أكبر

“Allah Maha Besar (Kemuliaan dan KeagunganNya)”

Perhatian penting: Makna Allah Maha Besar adalah besar kemuliaan ('izzah) dan keagunganNya ('azomah) dan bukan bermakna besar rupa atau saiz kerana rupa (*surah*) dan saiz (*hadd/hajm*) adalah sifat makhluk dan kedua-duanya adalah mustahil bagi Allah.

Golongan yang menetapkan rupa dan saiz bagi Allah adalah kaum *Mujassimah* yang sesat.

Dari sudut makna yang dikehendaki di dalam perbahasan ini adalah merujuk kepada Takbir yang menjadi syiar pada Hari Raya Aidil Fitri dan Aidil Adha serta Hari 'Arafah dan hari-hari Tashriq dengan lafaz yang masyhur.

Q & A Penuntut Ilmu

Hari Raya Aidil Fitri	1 Shawwal
Hari 'Arafah	9 Zul Hijjah
Hari Raya Aidil Adha	10 Zul Hijjah
Hari Tashriq Pertama	11 Zul Hijjah
Hari Tashriq Kedua	12 Zul Hijjah
Hari Tashriq Ketiga	13 Zul Hijjah

Para ulama' membahagikan takbir bagi Hari Raya kepada dua jenis:

1. Takbir Mursal atau Mutlaq
2. Takbir Muqayyad

Takbir Mursal

Takbir mursal atau mutlaq adalah merujuk kepada takbir yang tidak diikat dengan waktu solat fardu. Ia dilakukan pada mana-mana waktu, tempat dan keadaan (dalam tempoh penshariatannya).

Takbir Muqayyad

Takbir Muqayyad pula adalah merujuk kepada takbir yang diikat dengan waktu solat fardu (atau solat-solat yang lain akan disebutkan nanti) dan ia dilakukan selepas solat fardu (atau solat-solat tersebut).

Berdasarkan hakikat ini, maka Takbir Muqayyad adalah lebih afdal berbanding Takbir Mursal kerana ia merupakan *tābi‘* (pengikut) bagi solat (Fiqh al-‘Ibadat HDI).

Hari Raya Aidil Fitri

Dalil bagi penshariatan takbir bagi Hari Raya Aidil Fitri. Firman Allah ﷻ (al-Baqarah 2:185):

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ
وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ
فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ
وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَىٰ مَا هَدَيْنَكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ



“(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, Kemudian wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. **Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah**

kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.”

Imam Shafie berkata (Mughni al-Muhtaj):

سَمِعْتُ مَنْ أَرْضَاهُ مِنَ الْعُلَمَاءِ بِالْقُرْآنِ يَقُولُ: الْمُرَادُ بِالْعِدَّةِ عِدَّةُ الصَّوْمِ، وَبِالتَّكْبِيرِ
عِنْدَ الْإِكْمَالِ

“Aku telah mendengar orang yang aku redai dari kalangan para ulama’ al-Qur’an berkata: Maksud yang dikehendaki dengan ‘iddah (bilangan) adalah ‘iddah (bilangan) puasa; dan (maksud yang dikehendaki) dengan takbir adalah setelah sempurnanya (puasa sebulan Ramadan).”

Takbir Mursal (Aidil Fitri)

Takbir Mursal disunatkan untuk dilakukan di rumah-rumah, jalan-jalan, masjid-masjid dan pasar-pasar dengan mengangkat suara (al-Nawawi, Minhaj al-Talibin), bagi orang yang *hadir* (tidak bermusafir), musafir, lelaki, wanita dan sebagainya (al-Khatib al-Sharbini, Mughni al-Muhtaj).

Waktu: Bermula waktunya dari terbenam matahari malam Hari Raya Aidil Fitri sehingga Imam melakukan Takbiratul Ihram bagi solat Hari Raya [al-azhar] (al-Nawawi, Minhaj al-Talibin).

Takbir adalah zikir yang paling afdal untuk disibukkan pada waktu ini. Bahkan ia lebih utama berbanding amalan Selawat pada waktu ini dan lebih utama berbanding Surah al-Kahfi sekiranya malam Raya adalah malam Jumaat (Fiqh al-‘Ibadat HDI).

Takbir Muqayyad (Aidil Fitri)

Berkenaan Takbir Muqayyad pada Hari Raya Aidil Fitri, terdapat dua pandangan mengenainya:

<p>Pandangan <i>asahh</i> (Minhaj al-Talibin) Pandangan yang disahihkan oleh Imam al-Rafi'i Ia juga merupakan pandangan Imam al-Nawawi di dalam kebanyakan kitabnya dan ia adalah pandangan muktamad mazhab Shafie.</p>	<p>Takbir Muqayyad tidak disunatkan pada malam/Hari Raya Aidil Fitri. (Kerana itu sebahagian kitab menyebut Takbir Muqayyad hanya ada pada Hari Raya Aidil Adha dan tidak ada pada Hari Raya Aidil Fitri)</p>
<p>Pandangan yang dipilih oleh Imam al-Nawawi di dalam kitab al-Adhkar. Nas Imam al-Shafi'i yang dinukilkan oleh Imam al-Bayhaqi di dalam kitab Fada'il al-Awqat. Ini adalah pandangan yang diamalkan oleh kebanyakan masyarakat (mazhab Shafi'i)</p>	<p>Takbir Muqayyad disunatkan pada malam/Hari Raya Aidil Fitri. Ini bermakna Takbir Muqayyad dilakukan selepas solat fardu Maghrib, Isyak dan Subuh (sebelum solat Hari Raya Aidil Fitri).</p>

(al-Khatib al-Sharbini – Mughni al-Muhtaj)

Waktu: Berdasarkan pandangan kedua, waktu Takbir Muqayyad Aidil Fitri adalah selepas solat fardu Maghrib, Isyak dan Subuh pada malam dan siang Hari Raya Aidil Fitri.

Hari Raya Aidil Adha

Dalil penshariatan bagi Takbir ketika Hari Raya Aidil Adha adalah qiyas/ analogi kepada ayat surah al-Baqarah 2:185 yang dinyatakan sebelum ini berkenaan penshariatan Takbir bagi Hari Raya Aidil Fitri (Mughni al-Muhtaj).

Maka berdasarkan ini, perintah Takbir bagi Hari Raya Aidil Fitri lebih kuat kerana diperintahkan secara nas dan Takbir bagi Hari Raya Aidil Adha ditetapkan dengan qiyas (Mughni al-Muhtaj).

Sebahagian kitab menyebut bahawa di antara dalil bagi penshariatan Takbir bagi Hari Raya Aidil Adha adalah firman Allah ﷻ (al-Baqarah 2:203):

﴿وَأَذْكُرُوا اللَّهَ فِي أَيَّامٍ مَّعْدُودَاتٍ ۚ فَمَنْ تَعَجَّلَ فِي يَوْمَيْنِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَنْ تَأَخَّرَ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ لِمَنِ اتَّقَىٰ ۗ وَأَتَّقُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا أَنَّكُمْ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ﴾ (٢٠٣)

“Dan sebutlah kamu akan Allah (dengan takbir semasa mengerjakan Haji) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya. Kemudian sesiapa yang segera (meninggalkan Mina) pada hari yang kedua, maka ia tidaklah berdosa dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka ia juga tidaklah berdosa; (ketiadaan dosa itu ialah) bagi orang yang bertaqwa dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan ketahuilah sesungguhnya kamu akan dihimpunkan kepadanya.

Imam al-Bukhari berkata: (Saidina) ‘Abdullah Ibn ‘Abbas رضي الله عنهما

berkata (Sahih al-Bukhari):

الأيام المعدودات أيام التشريق

“Al-Ayyam al-Ma’dudat (hari-hari yang tertentu) itu adalah hari-hari Tashriq (11-13 Zul Hijjah).”

Takbir Mursal (Aidil Adha)

Takbir Mursal bagi Aidil Adha disunatkan untuk dilakukan di rumah-rumah, jalan-jalan, masjid-masjid dan pasar-pasar dengan mengangkat suara (al-Nawawi, Minhaj al-Talibin), bagi orang yang hadir (tidak bermusafir), musafir, lelaki, wanita dan sebagainya (al-Khatib al-Sharbini, Mughni al-Muhtaj).

Bermula waktunya dari terbenam matahari malam Hari Raya Aidil Adha sehingga Imam melakukan Takbiratul Ihram bagi solat Hari Raya [al-azhar] (al-Nawawi, Minhaj al-Talibin).

Orang Yang Mengerjakan Haji

Orang yang mengerjakan Haji (dan Umrah) tidak disunatkan untuk melakukan Takbir pada malam Hari Raya Aidil Adha kerana syiar orang yang melakukan Haji adalah Talbiyah sehinggalah solat Zohor pada Hari Raya Haji (atau mereka selesai melakukan Tawaf (al-Ifadah) atau berTahallul).

Takbir Muqayyad (Aidil Adha)

Orang Yang Mengerjakan Haji

Orang yang melakukan Haji disunatkan melakukan Takbir Muqayyad seperti berikut:

Bermula	Berakhir
Zohor Hari Raya Haji Kerana ini adalah solat mereka yang pertama di Mina dan waktu berhentinya Talbiyah Dan ia solat pertama yang dilakukan selepas Tahallul (al-Manhaj al-Qawim)	Subuh Hari Tashriq yang terakhir Kerana ini adalah solat Terakhir mereka di Mina.

(Mughni al-Muhtaj); (al-Manhaj al-Qawim)

Ini adalah pandangan *azhar*.

Orang Yang Tidak Mengerjakan Haji

Bagi orang yang tidak melakukan Haji, mereka disunatkan untuk melakukan Takbir Muqayyad seperti berikut (dengan tiga pandangan yang berbeza):

Pandangan Ulama' Mazhab Shafie	Bermula	Berakhir
Pandangan pertama (azhar) & (mayshur dalam mazhab menurut Imam Nawawi di dalam al-Majmu')	Zohor Hari Raya Haji Kerana mengikut orang yang	Subuh Hari Tashriq yang terakhir Kerana mengikut orang yang

Q & A Penuntut Ilmu

	melakukan Haji.	melakukan Haji.
Pandangan kedua	Daripada Maghrib Malam Hari Raya Haji	Subuh Hari Tashriq yang terakhir.
Pandangan ketiga Pandangan yang diamalkan (وَالْعَمَلُ عَلَى هَذَا) Berdasarkan perbuatan Saidina ‘Umar <small>رضي الله عنه</small> , Saidina ‘Ali <small>رضي الله عنه</small> , Saidina ‘Abdullah Ibn Mas’ud <small>رضي الله عنه</small> dan Saidina ‘Abdullah Ibn ‘Abbas <small>رضي الله عنه</small> tanpa diingkari. Pandangan Imam Nawawi di dalam al- Tashih dan al-Majmu’. Beliau menyatakan ia sebagai asahh di dalam al-Adhkar. Di dalam al- Rawdah, Imam Nawawi menyatakan ia adalah pandangan azhar di sisi muhaqqiqin.	Subuh Hari ‘Arafah Asar Hari Tashriq yang terakhir (atau terbenamnya matahari Hari Tashriq yang terakhir).	

(Mughni al-Muhtaj)

Pemerhatian penulis: Namun begitu, berdasarkan amalan Takbir Muqayyad di dalam masyarakat Islam di Malaysia, mereka pada kebiasaannya menggabungkan pandangan kedua bagi permulaan Takbir Muqayyad (solat Maghrib malam Hari Raya Aidil Adha) dan pandangan ketiga bagi pengakhiran Takbir Muqayyad (solat Asar Hari Tashriq yang terakhir). Dan ia tidak mengapa, insha Allah.

Solat Yang Dituntut Bagi Takbir Muqayyad

Apakah solat yang dituntut untuk melakukan Takbir Muqayyad?

Terdapat tiga pandangan yang disebut di dalam Mughni al-Muhtaj.

Pandangan (1) iaitu *azhar*: selepas solat jenazah, qada', fardu, nazar, sunat rawatib, sunat mutlaq atau muqayyad dan *dhat al-sabab* seperti *tahiyat al-masjid* kerana ia adalah syiar waktu ini.

Dan asas lafaz takbir adalah:

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ الْحَمْدُ

Pandangan kedua: hanya dilakukan selepas solat fardu sahaja sama ada tunai atau qada' bagi hari-hari ini atau hari-hari yang lain yang dilakukan pada waktu ini.

Pandangan ketiga: hanya dilakukan selepas solat fardu bagi hari-hari ini sahaja sama ada tunai atau qada’.

Lafaz Takbir

Lafaz takbir yang disunatkan adalah:

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،¹ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ الْحَمْدُ

(al-Nawawi – Minhaj al-Talibin wa ‘Umdat al-Muftin) – Fasl fi al-Takbir al-Mursal wa al-Muqayyad

Dan disunatkan untuk ditambah:

(اللَّهُ أَكْبَرُ) كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

(al-Nawawi – Minhaj al-Talibin wa ‘Umdat al-Muftin) – Fasl fi al-Takbir al-Mursal wa al-Muqayyad

Dan disunatkan untuk ditambah:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، (وَأَعَزَّ جُنْدَهُ)، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

(al-Khatib al-Sharbini – Mughni al-Muhtaj); (Fath al-Qarib al-Mujib)

Maka lafaz takbir yang sempurna adalah:

¹ Sebanyak tiga kali, ini adalah pandangan al-Jadid, dan berdasarkan riwayat Jabir رضي الله عنه dan ‘Abdullah Ibn ‘Abbas رضي الله عنهما. Pada pandangan al-Qadim: sebanyak dua kali (Mughni al-Muhtaj).

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

Bagi lelaki disunatkan dilakukan dengan mengangkat suara kerana ia adalah syiar *al-yawm* (syiar pada hari raya). (Minhaj al-Talibin; Mughni al-Muhtaj); (al-Manhaj al-Qawim).

Bagi wanita dan khuntha tidak disunatkan mengangkat suara (al-Manhaj al-Qawim) jika ada bersama lelaki bukan mahramnya (Mughni al-Muhtaj) dengan kadar hanya dia mendengarnya sahaja (Fiqh al-Ibadat HDI).

Beberapa Tambahan

- Tidak disunatkan Takbir Muqayyad selepas Sujud Tilawah atau Sujud Syukur melainkan di sisi *sahib* al-Rawnaq (Mughni al-Muhtaj).
- Jika seseorang itu terlupa melakukan Takbir selepas solat, maka dibolehkan untuk dia melakukannya apabila

teringatkannya walaupun jarak waktu itu pendek atau panjang (*asahh*) (Mughni al-Muhtaj).

- Dan disunatkan juga untuk bertakbir apabila melihat *al-an'am* (unta, lembu dan kambing) pada *ayyām ma'lūmāt* (1-10 Zul Hijjah) berdasarkan firman Allah ﷻ (Al-Hajj 22:28):

لِيَشْهَدُوا مَنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنْ
بِهِيمَةٍ الْأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ

“Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka **serta memperingati dan menyebut nama Allah, pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaanNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban);** dengan yang demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin.”

Ini juga berdasarkan athar yang dinukilkan daripada para sahabat Rasulullah ﷺ. Al-Marūzī telah meriwayatkan di dalam kitab al-‘Īdayn daripada Mujāhid bahawa beliau menyatakan:

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ وَأَبَا هُرَيْرَةَ كَانَا يَأْتِيَانِ السُّوقَ أَيَّامَ الْعَشْرِ فَيَكْبِرَانِ، لَا يَأْتِيَانِ
السُّوقَ إِلَّا لِذَلِكَ

“Sesungguhnya ‘Abdullāh Bin ‘Umar رضي الله عنهما dan Abū Hurayrah رضي الله عنه: mereka berdua datang ke pasar pada sepuluh hari (awal

Q & A Penuntut Ilmu

Zul Hijjah) dan lantas mereka bertakbir. Mereka berdua tidak datang ke pasar melainkan untuk itu (bertakbir).”

(al-Suyuti – Natijat al-Fikr fi al-Jahr bi al-Dhikr)

Faedah Tambahan:

<i>Ashhur al-Hajj al-Ma'lumat</i> Bulan-bulan Haji yang ditentukan	Shawwal, Zul Qi'dah dan Zul Hijjah
<i>Ayyam al-Hajj al-Ma'lumat</i> Hari-hari Haji yang ditentukan	Hari Tarwiyah – 8 Zul Hijjah Hari 'Arafah – 9 Zul Hijjah Hari al-Nahr – 10 Zul Hijjah Hari Tashriq – 11-13 Zul Hijjah Hari al-Qarr – 11 Zul Hijjah Hari al-Ru'us – 12 Zul Hijjah Hari al-Sadr – 13 Zul Hijjah
<i>Ayyam Ma'lumat</i>	1 – 10 Zul Hijjah
<i>Ayyam al-Hajj al-Ma'dudat</i>	Hari-hari Tashriq – 11 -13 Zul Hijjah

وَاللَّهُ أَعْلَمُ وَعِلْمُهُ أَتَمُّ

Disediakan oleh al-faqīr ilā Allāh al-Ghanī al-Ḥamīd:
Dr. Abdullaah Jalil, Nilai, Negeri Sembilan.

<https://penuntutilmu.com>